

MAHATHIR - MAJORITI

KAJANG, 15 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YAKIN BAHAWA BARISAN NASIONAL (BN) AKAN MEMPEROLEHI MAJORITI LEBIH DUA PERTIGA DALAM PILIHAN RAYA UMUM INI.

SEMASA MENEMUI PARA PEMBERITA SELEPAS BERUCAP KEPADA CALON-CALON PILIHAN RAYA DI DEWAN ORANG RAMAI DI SINI, BELIAU BERKATA, BERDASARKAN KEPADA PERKEMBANGAN TERBARU YANG BELIAU DAPATI SEPANJANG LAWATAN KE BEBERAPA NEGERI, BN MAMPU MENCAPAI KEJAYAAN YANG CEMERLANG ITU.

+SAYA TIDAK HENDAK MEMBUAT PERBANDINGAN (DENGAN KEPUTUSAN PILIHAN RAYA 1986) KERANA INI ADALAH KUASA TUHAN, TETAPI KITA YAKIN INSYAALLAH, KITA AKAN MENDAPAT (MAJORITI) LEBIH DARIPADA DUA PERTIGA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU PADA MULANYA MENJANGKA AKAN TIMBUL MASALAH DALAM BN SENDIRI EKORAN DARIPADA SOAL PEMBAHAGIAN KERUSI DAN PENGGUGURAN BEBERAPA ORANG DARIPADA SENARAI CALON TETAPI PERKARA ITU TIDAK TIMBUL KERANA SEMUA PIHAK BERKERJASAMA SEPENUHNYA.

+TETAPI SEPERTI YANG KITA LIHAT HARI INI, SEMUANYA RAPATKAN KEMBALI BARISAN DAN SEBAB ITU DUA ORANG BEKAS MENTERI BESAR (DATUK HORMAT RAFIE DAN DATUK AHMAD RAZALI) DAN ORANG YANG TIDAK DIPILIH ADA BERSAMA-SAMA DAN BERKERJA,+ KATANYA. -- LAGI.

1919MST 15 10 90

D854

U B320 BAH
MAHATHIR - MAJORITI 2 KAJANG

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMBERI CONTOH BAGAIMANA NAIB PRESIDEN MIC, DATUK K.PATHMANABAN (YANG DIGUGURKAN DARIPADA BERTANDING DI TELUK KEMANG) BERKERJA KERAS UNTUK MEMASTIKAN KEJAYAAN CALON MIC DI SITU.

+DALAM PARTI TIDAK ADA MASALAH, MAKA KEMUNGKINAN KITA UNTUK MENANG ADALAH JAUH LEBIH BAIK,+ KATA BELIAU.

PRESTASI NEGERI-NEGERI YANG DILAWATAI JUGA BAIK DAN INI MENCERAHKAN LAGI PELUANG MENCAPAI KEMENANGAN MAJORITI LEBIH DARIPADA DUA PERTIGA, KATA BELIAU SAMBIL MEMBERI CONTOH BAGAIMANA CALON BEBAS TIDAK MENDAPAT SOKONGAN DAN BN MUNGKIN MEMENANGI KESEMUA KERUSI PARLIMEN.

MENGENAI KELANTAN, BELIAU BERKATA, PERALIHAN SOKONGAN DARIPADA ANGGOTA PAS YANG MARAH KERANA PEMIMPIN MEREKA DITIPU OLEH SEMANGAT 46 |DALAM PROSES PERLETAKAN CALON DAN PENGORBANAN PRINSIP MENUBUHKAN NEGARA ISLAM OLEH PAS SENDIRI AKAN MENJADIKAN KEDUDUKAN BN DI KELANTAN LEBIH BAIK.

KETIKA MENYENTUH KEDUDUKAN DI PULAU PINANG, BELIAU BERKATA, SETIAUSAHA AGUNG DAP, LIM KIT SIANG YANG AKAN MENGHADAPI KETUA MENTERI, DR LIM CHONG EU MENAGIH SIMPATI PENGUNDI APABILA MENGATAKAN DIA (KIT SIANG) AKAN KALAH, +TETAPI ORANG PULAU PIANG BUKAN BODOH DAN MEREKA TAHU STRATEGI DAN MEREKA TIDAK AKAN MENGHINA DR LIM.+ -- LAGI.

D855

U B321 BAH
MAHATHIR - MAJORITI 3 KAJANG

KETIKA DITANYA MENGENAI PRESTASI ANGGOTA-ANGGOTA KABINET, PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU BERPUAS HATI DENGAN PRETASI MENTERI-MENTERI KABINET SEKARANG.

+MISALNYA, DATUK SERI SANUSI DENGAN BERMACAM-MACAM IDEANYA SEPERTI KELAPA MUDA DAN TUKUN TIRUAN, DATUK SABBARUDDIN DENGAN MENJAYAKAN PELANCONGAN, DATUK DR YUSOF NOR DENGAN PEMBAHARUANNYA, ENCIK ANWAR DENGAN DASAR PENDIDIKAN SERTA MENTERI-MENTERI LAIN YANG KAYA DENGAN IDEA BAGI MENJADIKAN NEGARA KITA DINAMIK,+ TEGAS BELIAU.

KETIKA DIMINTA MENGULAS KENYATAAN PRESIDEN MCA, DATUK SERI DR LING SIK BAHAWA PARTINYA AKAN MENGHADAPI KESENANGAN DAN KEPAYAHAN DENGAN UMNO, BELIAU BERKATA, UMNO JUGA AKAN MELAKUKANNYA, BAHKAN KITA TELAH LAMA BERBUAT DEMIKIAN.

DALAM UCAPAN PADA MAJLIS ITU YANG TURUT DISERTAI SAMA OLEH MENTERI BESAR, TAN SRI MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB DAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN, DATUK LEE KIM SAI, BELIAU BERKATA, PARTI PEMBANGKANG KINI KEHABISAN ISU UNTUK BERKEMPEN KERANA KERAJAAN BERJAYA MENJALANKAN PEMBANGUNAN DENGAN JAYANYA DAN MEMANFAATKAN SEGENAP LAPISAN RAKYAT.

BELIAU MEMBIDAS TOKOH-TOKOH PEMBANGKANG YANG DULUNYA MENJADI ORANG PENTING DALAM PARTI DAN KERAJAAN TETAPI KINI SEBALIKNYA MENGECEM KERAJAAN. PERDANA MENTERI MENYIFATKAN MEREKA SEBAGAI +TIDAK MENGENANG BUDI+. -- LAGI.

1924MST 15 10 90

U B322 BAH
MAHATHIR - MAJORITI 4 KAJANG

SEMENTARA ITU, SEMASA MERASMIKAN SEKOLAH MENENGAH SEKSYEN 1, BANDAR BARU BANGI, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGGESA PARA PENDIDIK MEMBERI PENEKANAN KEPADA USAHA MENYEMAIKAN SIFAT-SIFAT BERSYUKUR DAN BERTERIMA KASIH KE KALANGAN PELAJAR DAN MAHASISWA SUPAYA MEREKA TIDAK MENJADI GOLONGAN YANG CEPAT LUPA KEPADA JASA KERAJAAN.

KATANYA, ADA SESETENGAH MAHASISWA MENJALANKAN KEMPEN JANGAN BERTERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN YANG TELAH MENYEDIAKAN KEPADA MEREKA KEMUDAHAN PENDIDIKAN.

+KITA TIDAK MAHU NANTI TIMBUL KEADAAN SEPERTI MELEPASKAN ANJING TERSEPIT= PELAJAR PERLU DIAJAR SUPAYA PANDAI BERSYUKUR DAN BERTERIMA KASIH KEPADA ORANG YANG TELAH MENOLONG MEREKA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, PENDIDIKAN NEGARA TELAH DISESUIAIKAN DENGAN KEHENDAK SEMASA BAGI MELAHIRKAN LEBIH RAMAI RAKYAT YANG BOLEH BEKERJA SEBAGAI PEKERJA MAHIR DAN BIJAK MENGURUS.

KATANYA, SEMENTARA KERAJAAN MENGGALAKKAN PEMBUKAAN LEBIH BANYAK KAWASAN PERINDUSTRIAN BAGI MENGGALAKKAN KEMASUKAN PELABUR ASING, RAKYAT TIDAK BOLEH MENYERAHKAN SEGALA-GALANYA KEPADA PELABUR ASING KERANA INI HANYA MERUGIKAN MEREKA. -- LAGI.

1926MST 15 10 90

U B323 BAH
MAHATHIR - MAJORITI 5 KAJANG

+PELABUR ASING TIDAK AKAN KESIAN KEPADA KITA... KITA PERLU BEKERJA SENDIRI KERANA NASIB KITA BERGANTUNG KEPADA DIRI KITA SENDIRI,+ TEGASNYA.

+KITA TELAH MEMPERKENALKAN MATA PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP UNTUK MELAHIRKAN RAKYAT YANG PANDAI MENGGUNAKAN TANGAN DAN FIKIRAN UNTUK MENCIPTA INOVASI-INOVASI SEPERTI KOMPUTER DAN JENTERA... KITA JUGA MEMBERI PENEKANAN KEPADA ASPEK PENGURUSAN SUPAYA RAKYAT, KHUSUSNYA ORANG MELAYU TAHU SELOK-BELOK BERJUAL-BELI YANG BAIK,+ KATANYA.

MENURUT PERDANA MENTERI, KERAJAAN AKAN TERUS MEMBERI PERUNTUKAN YANG BESAR KEPADA SEKTOR PENDIDIKAN, SAMBIL MENAMBAH KATA BAHAWA UNTUK ENAM UNIVERSITI DI NEGARA INI SAJA, KERAJAAN MEMPERUNTUKKAN KIRA-KIRA \$600 JUTA SETAHUN.

BELIAU JUGA MEMBERI JAMINAN BAHAWA DASAR PENDIDIKAN NEGARA AKAN TERUS MEMBERI KEBEBASAN KEPADA BANGSA-BANGSA LAIN DI NEGARA INI MENGGUNAKAN BAHASA IBUNDA SEBAGAI BAHASA PENGANTAR DI SEKOLAH-SEKOLAH.

SEBELUM ITU, KETIBAAN PERDANA MENTERI DISAMBUT DENGAN PALUAN KOMPANG DAN IRINGAN PERARAKAN BUNGA MANGGAR OLEH PARA PELAJAR SEKOLAH ITU. -- BERNAMA.
1929MST 15 10 90